

Abdullah lantang dalam bisikan

Tiada keraguan kepemimpinannya diyakini untuk semua kaum



SUDAH menjadi kelaziman untuk Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) diselubungi suasana hingar-bingar setiap kali berlangsungnya Perhimpunan Agung Umno. Bagaimana gamatnya di dalam Dewan Merdeka, tidak kurang juga di ruang legarnya.

Menjelang tengah hari Jumaat kelmarin - hari untuk tirai perhimpunan tahunan ke-57 itu dilabuhkan - bisik-bisik mahupun sembang-sembang bukanlah sangat kepada butir perbahasan, sebaliknya suatu perkembangan yang seakan-akan dinantikan.

Pada pagi itu, Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, mengangkat sumpah selaku Ahli Dewan Negara. Pelantikannya sebagai senator segera disusuli spekulasi bahawa satu lagi rombakan Kabinet akan berlaku dalam masa terdekat.

Khabar angin yang bertiup kencang, khidmat pesanan ringkas (SMS) yang rancak bertukar tangan serta bualan hangat tanpa membezakan antara perwakilan dan kumpulan ikut-ikutan, turut menimbulkan ghairah kepada ucapan penggulungan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi petang itu hingga cukup untuk membuat sebilangan ternanti-nantikan satu pengumuman.

Serahkan kepada orang Umno, nescaya sebahagian mereka akan tampil dengan teori konspirasi dan kemungkinan. Harus mereka tidak berfikir seperti saf kepimpinan tetapi semakin ia banyak dibualkan, semakin mereka percaya ia bukan di luar batas kebarangkalian.

Memang, ia bukannya tidak pernah dilakukan. Harus juga mandat lima tahun kerajaan Barisan Nasional (BN) sekarang yang hanya akan berakhir pada Mac 2009, diandaikan meluahkan banyak ruang untuk satu lagi rombakan.

Rombakan terakhir dilakukan pada 14 Februari 2006 - baru sembilan bulan - tetapi sokongan menyeluruh terhadap kepimpinan Abdullah daripada parti yang ditunjangnya, mendorong sebilangan untuk percaya bahawa Perdana Menteri harus menilai semula Kabinetnya.

Itu antara cakap-cakap yang didengar. Untuk mengatakan Perdana Menteri sendiri tidak mendengar cakap-cakap sedemikian atau tidak sampai kepada pengetahuan, harus juga tidak benar.

Bukanlah juga perkara baru bahawa sudah ada yang membeza-bezakan antara majoriti anggota Kabinetnya yang dikategorikan mempunyai kesetiaan tidak berbelah-bahagi terhadap kepimpinannya sambil segelintir yang ditakrif harus direnungkan semula.

Tetapi, jelas bukan itu yang menduduki senarai teratas dalam keutamaan Abdullah dari hari kedua perhimpunan kali ini, seperti kesudahannya diuraikan dengan panjang lebar dalam ucapan penggulungannya kelmarin.

Harus ia di luar jangkauan Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang mempengerusikan jawatankuasa usul kali ini bahawa ada perwakilan akan memilih retorik keterlaluan dalam membahaskan usul ekonomi dan pen-

didikan serta agama dan sosial.

Malah, Timbalan Presiden, Datuk Seri Najib Razak, juga harus beberapa kali digamamkan di sebalik amarnya sebelum perhimpunan agar perwakilan mengelak daripada mengutarakan tuntutan terlalu ekstrem atau tidak munasabah hingga menyakiti perasaan orang lain.

"Kita boleh bangkitkan tetapi kita mesti sedar bahawa audiens kita bukan perwakilan yang dua ribu lebih dalam Dewan Merdeka tetapi orang Melayu di luar dewan dan orang bukan Melayu yang mengikuti perbahasan dalam Perhimpunan Agung.

"Sebab mereka tahu Umno ini teras dalam kerajaan BN, maka Umno ini menarik minat dan perhatian lebih daripada parti biasa atau lain," demikianlah antara pesannya yang bagaimanapun menyaksikan beberapa daripada mereka terbawa-bawa dengan emosi.

Itulah juga yang mengganggu fikiran Pak Lah daripada ketika meninggalkan majlis makan malam dianjurkan timbalannya pada penghujung hari kedua perhimpunan Khamis lalu hingga mendorongnya mengubah butir ucapan penggulungannya.

"PM benar-benar tidak senang dengan sesetengah retorik keterlaluan. Sebilangan daripada mereka dirasakannya khayal dengan gemuruh tepukan hingga terkeluar kata-kata yang tidak sepatutnya diucapkan," kata seorang pegawai.

Kebimbangan Presiden Umno tidak lain daripada kata-kata yang sama akan disahut dengan cara yang serupa juga daripada parti komponen Barisan Nasional mewakili kaum berbeza yang tidak harus juga dinafikan hak mereka.

Lantaran itu jugalah, Perdana Menteri menyerahkan kepada deretan ahli Majlis Tertinggi sebelumnya untuk me-

ngupas sebarang isu lain yang berbangkit, semata-mata untuk menekankan pentingnya perpaduan, persefahaman dan pemuafakatan agar benar-benar dihayati serta dijadikan panduan dan sempadan.

Khabarnya ucapan penggulungan Presiden Umno dianggarkan mengambil masa tidak lebih 30 minit tetapi Pak Lah memilih untuk mengimbau sejarah sebagai pengajaran untuk hujahnya kesudahannya mengambil masa sejam.

"Jangan gempar sangat dengan ucapan yang dibuat. Kita amalkan cara terbuka. Bila sikit kena begitulah reaksinya tetapi sentiasa terkawal. Panas tidak membara, marah tidak berkelahi. Waras, adil, saksama serta mahu kepentingan untuk sesama (kaum) semua," begitulah kata-katanya untuk menyejukkan sebarang kehangatan.

Ada di kalangan perwakilan mungkin berasakan kesungguhan untuk mempertahankan agenda Melayu adalah sesuatu yang dituntut daripada Umno, maka tiada forum lebih berteepatan daripada perhimpunan agung untuk menyuarakannya dengan lantang.

Sebilangan lagi harus berasakan ia tidak pun berbeza daripada sidang tahunan parti komponen lain - MCA tidak sunyi daripada pelbagai tuntutan kaum Cina dan pada skala lebih kecil, MIC tidak terkecuali menampilkan aspirasi kaum India.

Tidak hanya berkisar kepada kaum berkenaan, harus tidak silap juga jika Perhimpunan Agung Umno kali ini mahu dimanfaatkan untuk amaran dikeluarkan bahawa sambil kaum lain bebas mengemukakan tuntutan, hak dan keistimewaan orang Melayu dipersoal dan dipertikai jangan.

Sepanjang setahun lalu saja, bukan sekali atau dua sindiran dilontarkan di

samping statistik rasmi dipertikaikan hingga ia ada kalanya dirasakan berganjak terlalu hampir kepada garis persengketaan.

Dalam pada itu, Abdullah daripada ucapan dasarnya pada pagi Rabu lalu lagi sudah mencerminkan 12 gagasannya yang hanya boleh memenangkan semua kaum tanpa masing-masing harus berasa iri hati atau curiga.

Atas sebab yang sama jugalah, ucapan penggulungannya kelmarin harus menanamkan keyakinan bahawa Abdullah adalah pemimpin kepada semua bangsa dalam menentukan agihan secara saksama, sekali gus menghindarkan sebarang prasangka.

Betapa ada segelintir yang sebelum Perhimpunan Agung Umno kali ini mengharap kesudahannya berlawanan. Harapan mereka terarah kepada Umno yang berpecah-belah, dengan pemimpinnya semakin hilang kawalan.

Di sebalik suara halus yang cuba memperlekehkan ucapan dasarnya tidak pun mengandungi pembaharuan, perhimpunan kali ini menjawabnya dengan satu suara bergema bahawa Abdullah yang diyakini mereka sebagai satu-satunya pemimpin untuk mereka menjadi pengikut setia.

Dalam melakukannya, Abdullah tidak pun perlu berteriak atau meninggikan suara. Barangkali ucapan dasar hinggalah kepada ucapan penggulungannya mengekalkan penyampaian secara mendatar.

Tetapi ia lebih daripada memadai untuk amanatnya didengar melainkan mereka yang terus memilih untuk memekakkan telinga.

Barangkali khabar angin mengenai satu lagi rombakan Kabinet seperti hingar-bingar di sekitar PWTC kelmarin, bukan juga satu idea jelek.